

Season Two: The Kingdoms

Narration / Voice Over	Visual/ Effect
<p data-bbox="188 468 396 520">Episod 18:</p> <p data-bbox="188 579 375 625">Ibrahim 1</p> <p data-bbox="188 699 337 745">SUARA:</p> <p data-bbox="188 848 771 1661">NABI IBRAHIM A.S. BERBANGSA IRAQ. SESETENGAH AHLI SEJARAH MENGATAKAN BAGINDA BERBANGSA SYRIA. SEKIRANYA BERASAL DARI IRAQ BAGINDA BERTUTUR DALAM BAHASA AKKADIAH BYBLONIAH, MANAKALA,JIKA BAGINDA BERASAL DARI SYRIA, BAHASA YANG DITUTURKAN IALAH ARAMAIK.</p> <p data-bbox="188 1709 771 1904">MESKIPUN MENGHADAPI PELBAGAI UJIAN YANG BERAT, NABI IBRAHIM TETAP MENEPATI</p>	

JANJI SEBAGAI SEORANG
HAMBA SELALU
MEMPAMERKAN SIFAT
TERPUJI. ALLAH SWT
BERFIRMAN:

"DAN IBRAHIM YANG
SELALU
MENYEMPURNAKAN
JANJI." (SURAH AN-NAJM:
37)

ALLAH SWT
MENGURNIAKAN
PENGHORMATAN YANG
AGUNG KEPADA NABI
IBRAHIM SEPERTI YANG
DISEBUTKAN DALAM
AYAT INI:

"DAN TIDAK ADA
YANG BENCIAKAN
AGAMA IBRAHIM,
MELAINKAN ORANG
YANG MEMPERBODOH
DIRINYA SENDIRI DAN
SUNGGUH KAMI TELAH
MEMILIHNYA DI DUNIA
DAN SESUNGGUHNYA DIA
DI AKHIRAT BENAR-
BENAR TERMASUK
ORANG YANG SALEH."

(SURAH AL-BAQARAH:
130)

ANTARA KURNIAAN
ALLAH KEPADA NABI
IBRAHIM IALAH ALLAH
MENJADIKAN BAGINDA
SEBAGAI IMAM BAGI
MANUSIA DAN
MENGANUGERAHKAN
KENABIAN DAN
PENERIMAAN WAHYU
TERHADAP KETURUNAN
BAGINDA.

ALLAH SWT JUGA
BERFIRMAN TENTANG
AKHLAK TERPUJI
BAGINDA:

"SESUNGGUHNYA
IBRAHIM ITU BENAR-
BENAR SEORANG YANG
PENYANTUN LAGI
PENGHIBA DAN SUKA
KEMBALI KEPADA
ALLAH." (SURAH HUD: 75)

ALLAH SWT
TELAHMENGKHUSUSKAN
KELEBIHAN NABI
IBRAHIM DENGAN

FIRMAN-NYA:

"DAN ALLAH
MENGAMBIL IBRAHIM
MENJADI KESAYANGAN-
NYA." (SURAH AN-NISA':
125)

ALLAH SWT
MENGANGKAT DARJAT
NABI IBRAHIM SEBAGAI
KEKASIH-NYA. HAL INI
MERUPAKAN SUATU
KEDUDUKAN YANG
MULIA DAN SANGAT
TINGGI.

AL-QURAN TIDAK
MENGHURAIKAN SECARA
TERPERINCI TENTANG
KELAHIRAN DAN MASA
KECIL NABI IBRAHIM.
UMUM MENGETAHUI
BAHAWA PADA ZAMAN
NABI IBRAHIM MANUSIA
TERBAHAGI KEPADA
TIGA GOLONGAN.
GOLONGAN PERTAMA
IALAH PARAPENYEMBAH
PATUNG-PATUNG YANG
DIPERBUAT DARIPADA
KAYU DAN BATU.

GOLONGAN KEDUA
PULAMENYEMBAH
BINTANG DAN
BULAN.MANAKALA
GOLONGAN KETIGA
MENYEMBAH RAJA-RAJA
ATAU PARA PENGUASA.

DALAM SUASANA
BEGINILAH NABI
IBRAHIM DILAHIRKAN.
BAGINDABERASAL DARI
KELUARGA YANG MAHIR
MEMBUAT PATUNG ATAU
BERHALA.

DISEBUTKAN BAHAWA
AYAH BAGINDA
MENINGGAL SEBELUM
KELAHIRAN BAGINDA.
KEMUDIAN BAGINDA
DIASUH OLEH BAPA
SAUDARANYA.NAMUN
ADAPENDAPAT YANG
MENGATAKAN BAHAWA
AYAH BAGINDAMASIH
HIDUP DAN AZAR ITU
IALAH AYAH BAGINDA.

WALAUPUN
DILAHIRKAN DALAM
KELUARGA PEMBUAT

BERHALA, NABI IBRAHIM
BEGITU MENENTANG
PENYELEWENGAN
KELUARGA DAN SISTEM
MASYARAKAT KETIKA
ITU.

NABI IBRAHIM
MERUPAKAN SEORANG
YANG CERDAS,
DIKURNIAKAN HATI
YANG HIDUP DAN
HIKMAH OLEH ALLAH
SWT SEMENJAK KECIL.

BAHKAN SEMENJAK
KECIL BAGINDA SELALU
MEMPERSOALKAN
CIPTAAN PATUNG
BERHALA AYAH
BAGINDA.

KAUM NABI IBRAHIM
MEMPUNYAI TEMPAT
PENYEMBAHAN YANG
BESAR YANG DIPENUHI
BERBAGAI-BAGAI
PATUNG DAN BERHALA.

SETELAH BOSAN
DENGAN AMALAN
PNYEMBAHAN BERHALA

DAN BUDAYA JAHILIAH
MASYARAKATNYA, NABI
IBRAHIM KELUAR
MEMPERHATIKAN ALAM
CIPTAAN ALLAH DI
LANGIT DAN DI BUMI.
PERISTIWA INI
DIRAKAMKAN DI DALAM
AL-QURAN:

"DAN (INGATLAH)
PADA WAKTU IBRAHIM
BERKATA KEPADA
BAPANYA AZAR:
'PATUTKAH KAMU
MENJADIKAN BERHALA-
BERHALA SEBAGAI
TUHAN-TUHAN?
SESUNGGUHNYA AKU
MELIHAT KAMU DAN
KAUMMU DALAM
KESESATAN YANG
NYATA.' DAN
DEMIKIANLAH KAMI
PERLIHATKAN KEPADA
IBRAHIM TANDA-TANDA
KEAGUNGAN (KAMI
YANG TERDAPAT) DI
LANGIT DAN DI BUMI,
DAN KAMI
(MEMPERLIHATKANNYA)

AGAR IBRAHIM ITU
TERMASUK ORANG-
ORANG YANG YAKIN.
KETIKA MALAM MENJADI
GELAP, DIA MELIHAT
SEBUAH BINTANG (LALU)
DIA BERKATA: 'INILAH
TUHANKU,' TETAPI
TATKALA BINTANG ITU
TENGGELOM, DIA
BERKATA: 'SAYA TIDAK
SUKA KEPADA YANG
TENGGELOM.'"

"KEMUDIAN TATKALA
DIA MELIHAT BULAN
TERBIT DIA BERKATA:
'INILAH TUHANKU.'
TETAPI SETELAH BULAN
ITU TERBENAM DIA
BERKATA: 'SESUNG-
GUHNYA JIKA TUHANKU
TIDAK MEMBERI
PETUNJUK KEPADAKU,
PASTILAH AKU
TERMASUK ORANG-
ORANG YANG SESAT.'"

"KEMUDIAN TATKALA
DIA MELIHAT MATAHARI
TERBIT, DIA BERKATA:

'INILAH TUHANKU.
INILAH YANG LEBIH
BESAR.' MAKA TATKALA
MATAHARI ITU
TERBENAM, DIA
BERKATA: 'HAI
KAUMKKU,
SESUNGGUHNYA AKU
BERLEPAS DIRI DARI APA
YANG KAMU
PERSEKUTUKAN.
SESUNGGUHNYA AKU
MENGHADAPKAN DIRIKU
KEPADA TUHAN YANG
MENCiptAKAN LANGIT
DAN BUMI DENGAN
CENDERUNG KEPADA
AGAMA YANG BENAR,
DAN AKU BUKANLAH
TERMASUK ORANG-
ORANG YANG
MEMPERSEKUTUKAN
TUHAN.'" (SURAH AL-
AN'AM: 74-79)

KEMUDIAN ALLAH SWT
BERFIRMAN:

"DAN DIA DIBANTAH
OLEH KAUMNYA. DIA
BERKATA: "APAKAH

KAMU HENDAK
MEMBANTAHKU
TENTANG ALLAH,
PADAHAL
SESUNGGUHNYA ALLAH
TELAH MEMBERI
PETUNJUK KEPADAKU.
DAN AKU TIDAK TAKUT
KEPADA (MALAPETAKA
DARI) SEMBAHAN-
SEMBAHAN YANG KAMU
PERSEKUTUKAN DENGAN
ALLAH, KECUALI JIKA
TUHANKU MENGENDAKI
SESUATU (DARI
MALAPETAKA) ITU.
PENGETAHUAN TUHANKU
MELIPUTI SEGALA
SESUATU. MAKA APAHAH
KAMU TIDAK DAPAT
MENGAMBIL PELAJARAN
(DARIPADANYA) ?
BAGAIMANA AKU TAKUT
KEPADA SEMBAHAN-
SEMBAHAN YANG KAMU
PERSEKUTUKAN
(DENGAN ALLAH)
PADAHAL KAMU TIDAK
TAKUT
MEMPERSEKUTUKAN
ALLAH DENGAN

SEMBAHAN-SEMBAHAN YANG ALLAH SENDIRI TIDAK MENURUNKAN HUJAH KEPADAMU UNTUK MEMPERSEKUTUKANNYA. MAKA MANAKAH DI ANTARA DUA GOLONGAN ITU YANG LEBIH BERHAK MENDAPAT KEAMANAN (DARI MALAPETAKA), JIKA KAMU MENGETAHUI?" (SURAH AL-AN'AM: 80-81)

SETERUSNYA, NABI IBRAHIM KELUAR UNTUK BERDAKWAH KEPADA KAUMNYA DENGAN BERKATA:

"PATUNG-PATUNG APAKAH INI YANG KAMU TEKUN BERIBADAH KEPADANYA? MEREKA MENJAWAB: 'KAMI MENDAPATI BAPAK-BAPAK KAMI MENYEMBAHNYA.'" IBRAHIM BERKATA: 'SESUNGGUHNYA KAMU

DAN BAPA-BAPAMU BERADA DALAM KESESATAN YANG NYATA.' MEREKA MENJAWAB: 'APAKAH KAMU DATANG KEPADA KAMI SUNGGUH-SUNGGUH ATAUKAH KAMU TERMASUK ORANG YANG BERMAIN-MAIN?' IBRAHIM BERKATA: 'SEBENARNYA TUHAN KAMU ADALAH TUHAN LANGIT DAN BURNT YANG TELAH MENCIPTAKAN-NYA; DAN AKU TERMASUK ORANG-ORANG YANG DAPAT MEMBERIKAN BUKTI ATAS YANG DEMIKIAN ITU.'" (SURAH AL-ANBIYA': 52-56)

MAKA BERLAKULAH TENTANGAN BAPA DAN KAUM NABI IBRAHIM TERHADAPNYA DISEBABKAN PENOLAKAN BAGINDA TERHADAP PENYEMBAHAN SELAIN

KEPADA
ALLAH.MESKIPUN
DEMIKIAN, BAGINDA
TETAP MENJADI ANAK
YANG BAIK DAN
BERADAB.

KETIKA MENDENGAR
PENGHINAAN,
PENGUSIRAN, DAN
ANCAMAN DARIPADA
AYAHNYA, NABI IBRAHIM
BERKATA DENGAN
LEMBUT:

"SEMOGA
KESELAMATAN
DILIMPAHKAN
HEPADAMU, AKU AKAN
MEMINTA AMPUN
BAGIMU KEPADA
TUHANKU,
SESUNGGUHNYA DIA
SANGAT BAIK
KEPADAKU. DAN AKU
AKAN MENJAUHKAN DIRI
DARIMU DAN DARI APA
YANG KAMU SENBAH
SELAIN DARIPADA
ALLAH, DAN AKU AKAN
BERDOA KEPADA

<p>TUHANKU, MUDAH-MUDAHAN AKU TIDAK AKAN KECEWA DENGAN BERDOA KEPADA TUHANKU." (SURAH MARYAM: 47-48)</p>	